



## NOTIS MAKLUMAN

### TIADA PENANGGUHAN (MORATORIUM) PEMBAYARAN BALIK ANSURAN BULANAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)

**Putrajaya, 8 April 2020 –** Sehubungan dengan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), pihak LPPSA telah menerima pertanyaan dari pelbagai pihak berkenaan kemungkinan penangguhan atau moratorium boleh diberikan kepada bayaran ansuran bulanan pembiayaan perumahan LPPSA.

Untuk makluman, Kerajaan menyediakan kemudahan pembiayaan perumahan LPPSA yang disubsidiakan pada kadar faedah 4%. Ini adalah lebih rendah berbanding kadar pembiayaan yang ditawarkan oleh mana-mana institusi perbankan tempatan.

Disamping itu, pembiayaan perumahan yang diberikan LPPSA dengan kadar faedah 4% ini adalah jauh lebih rendah berbanding kos dana yang diperolehi oleh LPPSA melalui terbitan sukuk iaitu pada kadar antara 4.5% hingga 5%. Sebarang moratorium atau penangguhan kepada bayaran ansuran bulanan pembiayaan akan memberi kesan kepada aliran wang tunai pihak LPPSA dan melibatkan pinjaman tambahan melebihi RM2 billion.

**LPPSA bertanggungjawab memastikan kelangsungan dan sumber kewangannya kekal utuh demi memastikan manfaat pembiayaan perumahan dapat terus disediakan kepada penjawat awam yang sedia ada dan yang akan datang.**

Secara asasnya, penjawat awam dan pesara Kerajaan masih tetap menerima gaji penuh dan pencegah menampung perbelanjaan bulanan termasuk kewajipan bayaran balik pembiayaan perumahan LPPSA.

Kebajikan penjawat awam di bawah pakej rangsangan PRIHATIN tetap menjadi salah satu keutamaan Kerajaan melalui pemberian bantuan tunai seperti pembayaran RM500 secara *one-off* kepada lebih 1.5 juta penjawat awam bagi gred 56 dan ke bawah termasuk kakitangan kontrak serta lebih 850,000 pesara Kerajaan bermula April 2020. Tambahan pula, bagi penjawat awam yang tergolong dalam golongan B40 dan M40, bantuan juga disediakan melalui Bantuan Prihatin Nasional (BPN) di antara RM500 sehingga RM1,600 yang akan dibayar pada bulan April dan Mei 2020. Manakala baki bayaran Bantuan Sara Hidup (BSH) akan dibayar pada bulan Julai 2020.

Justeru itu, LPPSA telah memutuskan untuk tidak memberi penangguhan atau moratorium pembayaran balik ansuran bulanan kerana masih yakin kebijikan penjawat awam telah cukup terjaga dan tiada keperluan buat masa ini.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh dikemukakan kepada LPPSA melalui <https://etiket.lppsa.gov.my>

**8 APRIL 2020**